

28/01/2003

Aman Malaysia mahu wakil berucap

KUALA LUMPUR: Gerakan Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia) berharap dapat menghantar seorang wakilnya berucap pada Sidang Kemuncak Negara-Negara Berkecuali (NAM) mengenai ketidakadilan serta amalan diskriminasi negara kuasa besar terhadap masyarakat Muslim dan negara Islam.

Melalui ucapan wakil Aman Malaysia itu, hasrat rakyat negara ini yang cintakan keamanan serta keselamatan sejagat dapat disampaikan kepada semua pemimpin negara berkecuali yang hadir pada sidang berkenaan bulan depan.

Penyelaras Kumpulan Aman Malaysia, Zulkifli Alwi, menegaskan pihaknya sedang berusaha untuk membolehkan Aman Malaysia berucap pada sidang kemuncak berkenaan.

"Usaha mendapatkan ruang bagi ucapan itu sedang dalam proses. Kami berharap Sekretariat Sidang Kemuncak NAM dapat mempertimbangkan permohonan kami dengan mengambil kira Malaysia sebagai tuan rumah bagi sidang kemuncak kali ini," katanya pada sidang akhbar selepas menerima kunjungan hormat delegasi Dewan Pemuda Wilayah Kepulauan Bangka Belitung, Indonesia di ibu pejabat Pemuda Umno, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai perkembangan terkini gerakan Aman Malaysia dalam mendapatkan sokongan rakyat negara ini menentang hipokripsi serta ketidakadilan negara kuasa besar terutama Amerika Syarikat serta sekutunya terhadap masyarakat serta negara Islam.

Melalui gerakan Aman Malaysia, rakyat negara ini perlu menyuarakan kebimbangan mereka terhadap pelancaran 'Perang Menentang Keganasan' oleh Amerika Syarikat yang mengancam keamanan dan keselamatan sejagat dengan menyertai gerakan keamanan itu.

Malah melalui gerakan Aman Malaysia, mesej keamanan sejagat dapat disampaikan dalam NAM yang akan berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Sehingga kini 447 gabungan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) daripada pelbagai kumpulan termasuk sukarelawan, persatuan belia, pasukan berpakaian seragam, parti politik, badan keagamaan, persatuan pelajar serta badan profesional menyertai gerakan keamanan itu.

Mengulas lanjut mengenai Aman Malaysia, Zulkifli berkata, memorandum yang menggambarkan hasrat serta harapan rakyat negara ini mengenai isu keamanan sejagat sedang dirangka dan akan disampaikan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 23 Februari ini dalam satu perhimpunan besar-besaran sempena sidang kemuncak berkenaan.

"Kami berharap mesej yang hendak disampaikan melalui memorandum Aman Malaysia akan dapat dibincangkan dalam pertemuan pemimpin serta perwakilan NAM serta dijadikan sebahagian Deklarasi Kuala Lumpur," katanya.

Sementara itu, ketua delegasi Dewan Pemuda Bangka Belitung, Johan Murod yang ditemui selepas sidang akhbar itu berkata, tujuan kunjungan hormat itu bertujuan merapatkan hubungan persaudaraan antara pergerakan itu dengan Pergerakan Pemuda Umno.